



## Penggunaan Isu Semasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Mohd Nasir Ibrahim

### ABSTRAK

*Isu semasa yang dipaparkan di dalam media cetak dan eletronik boleh dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam banyak subjek yang diajar di kampus UiTM Pahang. Isu-isu yang menyentuh pelbagai topik yang menarik dapat mengambil perhatian para pelajar untuk membaca dengan lebih kerap dan ianya juga dapat memberikan ruang kepada para pensyarah untuk menambah pengetahuan dalam topik yang disentuh dengan lebih mendalam. Pada masa kini, isu-isu semasa sangat relevan dengan proses pembelajaran kerana banyak subjek yang diajar menekankan perkara-perkara yang dapat dipraktikkan oleh para pelajar selepas mereka menamatkan pengajian masing-masing.*

**Kata kunci:** *Isu-isu semasa, pengajaran dan pembelajaran*

### Pengenalan

Seringkali jika diajukan soalan kepada pelajar-pelajar di bilik kuliah samada mereka tahu apa maknanya OPEC atau Exxon, jawapannya mungkin tepat tetapi kemungkinan besar ramai juga yang tidak dapat memberikan jawapan seperti yang dikehendaki. Apakah kaitannya kedua-dua organisasi ini dengan kenaikan mendadak harga minyak sejak dari awal tahun 2005, mungkin juga lambat difahami oleh para pelajar. Jika ianya tidak dibincangkan di dalam bilik kuliah, para pelajar mungkin tidak akan mempunyai peluang atau tidak berminat untuk membincangkannya pada masa lapang.

Topik atau isu yang menarik sebegini memang wajar dibincang di dalam bilik kuliah tidak kira sama ada ianya untuk syarahan Bahasa Inggeris atau dalam kuliah pelajar-pelajar Pentadbiran Perniagaan dan Perakaunan. Malah, jika ianya dibawa secara lebih mendalam, ianya amat relevan dalam kuliah Diploma Sains dan Diploma Industri Pertanian. Jika dikaji kesan kenaikan harga minyak kepada masyarakat dan ekonomi negara secara amnya, maka akan dapat dilihat kaitannya dalam kenaikan harga getah dan barang-barang keperluan yang lain.

Cara ini dapat memberikan ilmu kepada para pelajar betapa pentingnya bagi mereka untuk mengetahui dan memahami kesan kepada diri mereka dan masyarakat. Tetapi jika memilih untuk hanya memfokus pengajaran, berpandukan kepada buku teks dan nota tanpa menyentuh isu yang relevan dengan fenomena dan keadaan pada masa kini, maka akan rugilah para pelajar yang dahagakan ilmu dan informasi terkini. Konsep Islam Hadhari menekankan persediaan ummah untuk mempunyai ilmu dan ketrampilan dalam menghadapi cabaran globalisasi dan setempat. (Anon. 2005)

### Apa Itu Isu Semasa?

Isu semasa ialah sesuatu topik yang menjadi perhatian atau perbualan umum yang ada hubungkaitnya dengan kehidupan seharian di tempat berkenaan. Ianya juga ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan keadaan sekeliling mahupun sejagat. Topik atau perkara tersebut dibincangkan atau menjadi perhatian umum pada masa sekarang atau terdekat. Keadaan alam sekitar sekarang yang berjerebu adalah contoh yang terkini dan amat relevan untuk dilabelkan 'isu semasa'. Ianya menyentuh dan memberi kesan kepada semua dan ianya boleh dibincangkan oleh sesiapa sahaja. Datuk Seri Azmi Khalid, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, mengesahkan syarikat Malaysia tidak terlibat dalam pembakaran hutan di Indonesia (Utusan Malaysia: 17 Oktober 2006). Isu semasa yang berkait rapat dengan alam sekitar dan implikasinya kepada masyarakat di rantau ini memang amat tepat untuk dibawa ke bilik kuliah untuk dibincangkan. Sekurang-kurangnya pelajar boleh membincangkannya daripada pelbagai sudut sama ada perundangan, kesannya kepada urusan perniagaan ataupun paling tidak ianya menjurus kepada usaha untuk membentuk masyarakat yang cintakan alam sekitar ciptaan Yang Maha Esa.

Dalam pada itu, topik atau perkara yang lebih menjurus kepada kursus atau subjek tertentu boleh juga dibawa untuk perbincangan. Pelajar perakaunan mestilah mengambil ikhtibar daripada apa yang berlaku kepada ENRON, Worldcom dan Parmalat. Isu semasa untuk pelajar perakaunan mestilah menyentuh dasar-dasar kerajaan yang terkandung dalam Pelan Integriti Nasional dan kesannya kepada dunia perniagaan secara amnya. Model perniagaan berdasarkan pengeluaran produk halal wajib diketahui oleh pelajar jurusan pentadbiran perniagaan dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan Bumiputera (Anon. 2006b).

## Kenapa Ianya Penting Untuk Pelajar?

Visi UiTM adalah untuk melahirkan graduan yang berdaya saing, global dan beretika patut dijadikan cabaran oleh semua kakitangan universiti, lebih-lebih lagi tenaga pengajarnya (Anon. 2005). Untuk memenuhi hasrat tersebut, pensyarah haruslah menggunakan segala kepakaran dan pengalaman yang ada untuk memberikan ilmu pengetahuan yang terbaik, terkini dan relevan kepada pelajar supaya graduan UiTM yang bakal menghadapi cabaran dapat mempraktikkan dan menggunakan semaksima mungkin apa yang telah dipelajari.

Isu semasa yang dapat difahami dan dijadikan bahan rujukan dalam pengajian pelajar akan menjadikan pelajar sentiasa membaca dan mentelaah bahan bacaan yang lebih relevan kepada bidang kursus yang diambil. Dalam pada itu pelajar akan merasakan yang apa yang dipelajari di bilik kuliah amat berkait rapat dengan apa yang berlaku di luar. Ianya juga memberikan tahap kepuasan yang tinggi jika pelajar sendiri dapat memberikan pendapat untuk menangani atau menyelesaikan sesuatu masalah. Pelajar yang belajar kursus komunikasi, jika disuruh untuk menulis surat kepada akhbar mengenai sesuatu isu, akan berpuas hati jika isu yang dibangkitkan oleh beliau menjadi bahan perbincangan seluruh negara. Isu 'Mat Rempit' mungkin boleh ditangani sendiri oleh pelajar dengan memberikan cadangan yang relevan kepada mereka yang bertanggungjawab. Topik seperti ini boleh dibincangkan di dalam kelas-kelas bahasa kerana ianya memerlukan pelajar untuk mengetahui latar belakang isu yang bakal dibincangkan. Jika pelajar disuruh untuk membuat kajian latar belakang sesuatu isu itu maka sudah pastilah mereka perlu menggunakan kaedah yang terkini untuk mendapatkan bahan rujukannya seperti mencari informasi daripada 'Wikipedia', bukan sahaja daripada ensiklopedia.

## Bagaimana ianya Boleh Diterapkan Semasa Kuliah?

Salah satu cara paling mudah dalam proses pengajaran ialah dengan menggunakan sepenuhnya bahan pengajaran yang dibekalkan seperti buku teks, nota dan bahan bacaan yang berkaitan. Tetapi adakah semua itu memadai dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang berfikiran matang? Seseorang yang dianggap berjaya dalam hidupnya ialah bilamana individu tersebut mempunyai daya fikiran cerdas dan kreatif (De Bono 2002). Individu tersebut akan dapat menggunakan mindanya ke arah penghasilan sesuatu yang hebat kerana kecerdasan pemikiran dibantu dengan daya kreativiti boleh mengatasi banyak rintangan dan cabaran yang ditempo.

Dalam usaha kita untuk memaksimumkan potensi pemikiran pelajar, kita perlu menambahkan cara pengajaran yang sedia ada. Ini bermaksud kita mestilah memikirkan kaedah-kaedah terkini dalam penyampaian dan pemberian maklumat kepada pelajar. Bahan-bahan pengajaran dan topik serta contoh berkenaan sesuatu perkara perlulah terkini. Malahan sudah menjadi pemerhatian ramai pendidik, bahan jenaka yang digunakan di dalam bilik kuliah pun perlulah yang terkini dan lebih menarik. Jangan hanya mengharap contoh yang lapuk dan lesu kerana pelajar sekarang mungkin pernah didedahkan dan lebih mengetahui sesuatu perkara itu lebih daripada pensyarah itu sendiri.

Langkah pertama kita mengukur kepekaan pelajar kita mengenai sesuatu isu atau topik ialah dengan bertanya beberapa soalan yang asas seperti nama Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, nama Naib Presiden Indonesia, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau matawang Vietnam. Jika semua jawapan yang diberikan itu betul maka gambarannya ialah pelajar itu mungkin minat membaca atau melayari internet untuk mendapatkan maklumat dan ada juga kemungkinan yang beliau minat menonton siaran berita di media elektronik.

Tetapi jika semua jawapan atau sebahagian besar dari jawapannya tidak tepat maka kita boleh mengandaikan bahawa pelajar tersebut tidak berminat membawa isu-isu yang serius dan meluangkan masa dengan melakukan perkara yang lain berbanding dengan pelajar yang berjaya menjawab semua soalan dengan betul. Adalah malang jika pelajar tersebut sudah berada di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lebih dari dua tahun dan belum mampu memberikan nama Setiausaha Agung PBB dengan betul atau menamakan Gabenor Bank Negara dengan tepat. Ramai dapat memahami jika pelajar semester pertama menghadapi masalah untuk memberikan jawapan kepada soalan tadi tetapi jika pelajar yang menamakan diri mereka sebagai senior atau pelajar matang masih tidak mampu memberikan jawapan yang tepat kepada soalan yang begitu asas, maka sesuatu perlu dilakukan demi kebaikan pelajar dan masa depan mereka.

Tidak menjadi kesalahan jika pada permulaan sesi kuliah soalan-soalan berbentuk pengetahuan am dilontarkan kepada pelajar. Ini juga sebagai mukadimah kepada penggunaan isu semasa di dalam kuliah. Pelajar-pelajar yang tidak memberikan jawapan yang memuaskan atau tepat boleh diberikan tugas untuk mencari jawapan dan memberikannya pada kuliah akan datang. Ini akan memaksa pelajar untuk meluangkan masa mencari maklumat dan sedikit sebanyak akan menambat hati mereka untuk membaca bahan-bahan ilmiah atau pengetahuan am dengan lebih kerap. Isu semasa juga boleh diterapkan semasa permulaan kelas dengan menyoal mereka mengenai sesuatu yang berlaku. Masalah kekurangan gula dan kesannya kepada masyarakat dan negara boleh dibincang kerana semua telah mengalami masalah tersebut. Pelajar akan dapat memberikan pendapat dan juga cadangan supaya masalah yang sama dapat diatasi pada masa depan. Aktiviti seperti ini tidak perlu dijalankan sepanjang satu atau dua jam semasa kuliah. Ianya boleh dilaksanakan di permulaan atau di akhir kuliah. Dengan menyentuh masalah yang pelajar sendiri hadapi seperti isu gula maka aktiviti susulan boleh diberikan seperti mencari nama penuh KPDNHEP dan menterinya serta nama agensi-agensinya yang berkaitan dengan masalah gula tadi.

Tanpa membelakangkan silibus ataupun perancangan pengajaran yang telah lama dirangka, isu semasa boleh digunakan sebagai contoh dalam pengajaran tersebut. Dalam topik yang berkaitan dengan perkayuan, isu kemusnahan alam sekitar, jerebu, kebakaran hutan, pembalakan halal dan haram dan kesannya kepada sungai dan hidupan liar amat berkait rapat dengan apa yang dipelajari. Jika kita tidak mengaitkan isu-isu tersebut dalam apa yang di ajar, kemungkinan besar pelajar tidak akan dapat menghayati atau memahami pentingnya pengurusan hutan secara sistematik dalam agenda ekonomi negara. Jika pelajar tidak didedahkan dengan teknik terkini mengenai teknologi perabot dan melihat industri perabot secara komprehensif, maka kita akan ketinggalan dalam usaha kita untuk menjadikan negara sebagai pengeluar dan pengeksport perabot yang ulung di dunia.

Isu semasa bukan hanya boleh diterapkan untuk satu subjek sahaja. Setengah topik yang sama boleh digunakan untuk lebih dari dua atau tiga kursus. Contoh yang terkini ialah perbankan Islam yang menjadi satu produk yang telah diterokai oleh Malaysia sejak dua dekad yang lalu. Topik ini bukan hanya relevan untuk kursus di bawah CITU malahan ianya boleh dijadikan bahan yang baik untuk perbincangan dalam kursus-kursus perniagaan, perakaunan, perbankan dan analisa pelaburan. Pelajar-pelajar bidang komunikasi juga boleh mengambil bahagian dalam cara-cara untuk mempromosikan Malaysia sebagai pusat perbankan Islam yang unggul. Bila dan bagaimana 'isu semasa' boleh dimuatkan dalam kuliah terletak kepada kebijaksanaan dan pertimbangan pensyarah dan bergantung kepada matapelajaran yang diajar. Dengan mengadaptasi isu dan topik yang akan dibincangkan dalam kuliah, pelajar akan dapat nilai tambah kuliah tersebut. Bukan saja pelajar memahami konsep atau teori sesuatu perkara tetapi ianya berkait rapat dengan apa yang berlaku di depan mata mereka.

Perkara yang relevan untuk sesuatu matapelajaran itu boleh dimuatkan pada permulaan, pertengahan atau pun diakhir kuliah yang diberikan. Untuk penulisan esei bagi matapelajaran bahasa, isu semasa memang sesuai untuk digunakan kerana pelajar bukan sahaja perlu memahami isu tersebut tetapi mereka juga perlulah memberikan pendapat atau menghalusi isu tersebut dalam penulisan mereka. Topik mengenai isu sejagat seperti kebebasan bersuara dan hak asasi manusia boleh memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai baik atau buruk sesuatu itu dengan mengambil kira pandangan dari perspektif agama, bangsa negara dan dunia. Apabila isu tersebut dapat diterangkan secara jelas oleh pelajar melalui penulisan atau secara lisan, ianya dengan secara tidak disedari dapat memantapkan fikiran pelajar untuk berfikir dengan berasaskan fakta dan hujah yang mempunyai bukti yang kukuh (Devine 1981).

### **Faedah yang Diperolehi oleh Pelajar**

Program Angkasawan Malaysia yang dimuatkan di dalam (Junior Statesman) memberikan maklumat yang penting kepada pembaca mengenai usaha Malaysia untuk berjaya dalam sains dan teknologi dan penerokaan di angkasa lepas (Anon. 2006d). Topik seperti ini amat relevan untuk dibincangkan di dalam bilik kuliah kerana ianya adalah sesuatu yang amat baru bagi negara kita Malaysia. Kepentingan topik atau isu ini telah dimuatkan dalam kuliah BEL 200 dan ianya dapat menjana berbagai pendapat daripada pelajar disamping memberikan sebanyak mungkin maklumat kepada mereka mengenai program ini. Secara tidak langsung ianya dapat menjana minat pelajar untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program angkasa lepas, perbandingan di antara Malaysia dan negara maju yang lain yang telah lama memberikan fokus dalam bidang ini dan juga sebagai langkah susulan, pelajar juga telah diberikan tugas untuk membaca mengenai misi angkasa lepas lain seperti penerokaan planet Mars dan stesen angkasa Soyuz.

Isu semasa dapat juga mendedahkan pelajar kepada teknologi terkini yang ada hubungkaitnya dengan matapelajaran mereka. Penemuan baru dalam sains dan teknologi seperti proses pengklonan, bioteknologi dan tumbuhan yang diubahsuai genetiknya dapat memberikan idea baru ke arah kecemerlangan dalam bidang biologi. Apabila pelajar berdiskusi dengan rakan mereka, isu ini dapat memberikan ruang untuk mereka berdebat dan bertukar fikiran mengenai baik buruknya penemuan baru dalam pengubahsuaian genetik.

Aktiviti ilmiah yang mempunyai nilaitambah berdasarkan isu semasa yang diketengahkan boleh memantapkan daya fikiran mereka. Aktiviti selain daripada penulisan dan perbincangan seperti debat, pidato, diskusi dan dialog dapat memberi keyakinan yang tinggi kepada pelajar jika mereka diberikan tugas untuk membaca dan meneroka isu yang dibawa oleh pensyarah. Mempraktikkan dan menggunakan pengetahuan yang ada secara konsisten adalah satu ciri individu yang berjaya (Ringer 1995). Jika pelajar dapat memaksimumkan penggunaan ilmu dan pengajaran yang mereka dapati dari isu semasa, maka ia akan mencetuskan kegembiraan kepada pensyarah yang telah dapat menimbulkan minat pelajar ke arah penguasaan ilmu tersebut.

### **Faedah yang Diperolehi oleh Pensyarah**

Senario pelajar sekarang ialah mereka hanya akan ke perpustakaan jika peperiksaan hampir tiba atau mereka memerlukan sesuatu maklumat untuk digunakan dalam tugas akademik. Dengan memberikan tugas yang bersesuaian kepada mereka untuk mendapat maklumat yang lebih mendalam, mereka akan dapat memahami secara menyeluruh tentang isu yang diperkatakan. Ini secara langsungnya memudahkan pengajaran pensyarah kerana pelajar telah bersedia untuk diberikan informasi tambahan mengenai perkara yang akan dibincang. Pensyarah juga

dapat memberikan rasionalnya kenapa sesuatu tindakan perlu diambil mengenai sesuatu isu yang dibangkitkan. Isu seperti pengangguran di kalangan graduan IPTA mungkin dapat difahami dengan lebih terperinci oleh pelajar jika ianya dapat dibincangkan dibilik kuliah.

Pensyarah yang membincangkan isu tersebut boleh memberikan pengajaran atau sebab-sebab kenapa ianya berlaku. Pelajar yang mengambil iktibar tentang perkara tersebut akan berusaha menjadi seorang pelajar yang lebih cemerlang lagi demi mengelakkan diri daripada menjadi penganggur. Ini secara langsung menyebabkan pelajar berusaha untuk hadir ke kuliah dan memberikan sepenuh tumpuan terhadap apa yang diajar oleh pensyarah.

Maklumat yang pelajar perolehi hasil dari tugas juga boleh digunapakai untuk kuliah yang lain. Sistem perbankan Islam yang dibincangkan dalam kuliah perbankan boleh juga diperpanjangkan dalam kuliah CITU dan sebagainya. Apabila pelajar lebih yakin dengan sesuatu topik yang dibincangkan, ianya akan memberikan input atau pendapat yang lebih dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam aktiviti di bilik kuliah. Interaksi ilmiah ini akan memberikan peluang kepada pensyarah untuk menerangkan dengan lebih mendalam mengenai kelebihan dan kekuatan sesuatu idea yang baru yang dibincang. Dalam masa yang sama pensyarah dapat juga menggunakan maklumat mengenai sesuatu isu itu untuk pelajar semester akan datang.

Tenaga akademik memerlukan disiplin pengajaran di tahap tinggi dan seterusnya melibatkan penyebaran maklumat dan pengetahuan (Ibrahim 2005). Saranan Y.Bhg Naib Canselor UiTM ini selaras dengan hasrat universiti untuk memberi peluang kepada semua pensyarah mempertingkatkan kecemerlangan dan ilmu pengetahuan bukan hanya dalam bidang pengajian masing-masing tetapi juga dalam perkara yang berkaitan dengan isu negara, serantau dan sejagat. Maklumat yang diperolehi boleh diperkembangkan dan disebar untuk tujuan ceramah, forum dan diskusi bagi memperkayakan masyarakat mengenai isu semasa. Dalam erti kata yang lain bukan sahaja pelajar yang mendapat manfaat daripada usaha ini tetapi juga masyarakat yang sentiasa dahagakan maklumat dan informasi terkini mengenai isu-isu yang dekat dengan hati mereka.

Isu semasa akan menambat hati pensyarah untuk lebih membaca, mencari bahan rujukan dan juga memerlukan pensyarah supaya lebih peka dan prihatin mengenai isu yang menjadi perhatian orang ramai dan negara. Sebagai individu yang proaktif, isu semasa juga mungkin akan menyebabkan pensyarah menjadi penyelidik yang lebih hebat kerana semua fakta-fakta yang dihimpun boleh digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan di masa hadapan.

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang diperolehi, pensyarah dapat juga bertukar fikiran dengan tenaga pengajar yang lain. Jika ini berlaku, maka akan bertambah maklumat yang dapat diperolehi dan dikongsi dan secara langsung pensyarah yang lain juga dapat menggunakan topik yang sama untuk pelajar bagi kursus yang lain. Isu keamanan sejagat merupakan perkara yang menjadi tumpuan ramai di seluruh pelusuk dunia. Ianya bukan sahaja boleh dibawa berbincang dengan pelajar di UiTM tetapi ianya juga boleh diketengahkan di forum yang lain. Pensyarah akan mendapat faedah berganda kerana banyak bahan-bahan rujukan boleh didapati dengan menggunakan media cetak dan elektronik. Secara langsung kita di Malaysia juga dapat menggunakan forum yang ada untuk meraih sokongan ke arah keamanan dunia kerana secara amnya banyak tempat yang bergolak sekarang, mangsanya mempunyai latar belakang agama dan corak hidup yang sama.

Kepekaan pensyarah dalam membincangkan isu semasa dan memberikan pendapat bersama dengan pelajar akan membuahkan pandangan atau persepsi yang positif daripada pelajar itu sendiri. Ini adalah kerana pensyarah akan dianggap prihatin dengan keadaan semasa dan perkongsian pendapat dengan pelajar itu akan menambahkan interaksi dengan pelajar ke arah hubungan yang lebih baik. Bayangkan jika pensyarah dapat membincangkan masalah sosial remaja dan kesannya kepada ekonomi, sosial dan masa depan negara bersama dengan pelajar. Pelajar akan memberikan pendapat mereka malahan sanggup berkongsi pengalaman mereka dengan pensyarah dalam perkara ini. Ini akan menjadikan pensyarah lebih peka dan maklumat yang diperolehi akan dapat digunakan oleh pensyarah dalam memberi nasihat kepada para pelajar yang lain. Apabila pensyarah dapat mendalami isi hati pelajar maka perasaan hormat dan rendah diri pelajar terhadap pensyarah akan bertambah. Secara tidak langsungnya, pelajar akan juga dapat menerima dan meminta nasihat dari pada pensyarah jika diperlukan.

Dalam perutusan tahun baru, Y. Bhg. Naib Canselor UiTM telah menyeru supaya tenaga pengajar dapat memberikan sumbangan yang lebih besar dan bermakna kepada pembangunan bangsa dan negara. Jika semua tenaga pengajar dapat sedikit sebanyak menggunakan isu semasa dalam pengajaran mereka maka itu adalah sebahagian daripada sumbangan mereka dalam pembangunan modal insan untuk negara. Pensyarah memperolehi faedah secara langsung kerana pelajar telah diberi peluang dan ruang untuk berinteraksi dengan rakan mereka berdasarkan kepada topik yang dibincangkan. Diskusi secara intelektual ini akan menghasilkan pelajar yang dapat berfikir secara rasional dan mampu memberikan buah fikiran mengenai sesuatu isu secara spontan. Ianya juga seiring dengan hasrat universiti untuk memastikan semua graduan kita boleh berbicara dan berdebat secara spontan dan tertib tanpa beremosi tinggi dan tidak rasional. Kebanggaan pensyarah akan terhasil jika anak didiknya menjadi contoh kepada pelajar yang lain kerana keberanian mereka berhujah dengan baik bersandarkan kepada fakta-fakta yang telah dibincangkan di bilik kuliah dan juga hasil daripada saranan pensyarah dalam proses mencari maklumat dan pandangan tentang sesuatu isu.

## Penutup

YAB Timbalan Perdana Menteri telah melahirkan rasa kecewa beliau kerana budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia masih rendah (Anon 2006c). Alangkah sedihnya jika pelajar kita tergolong dalam kumpulan tersebut. Sepatutnya merekalah yang menjadi kumpulan contoh daripada segi minat dan ketekunan membaca. Diharapkan minat membaca dan menambah sebanyak mungkin ilmu dan maklumat, dipupuk dan disemai semasa mereka berada di menara gading. Peranan pensyarah bukan sahaja sekadar memberi ilmu berdasarkan kepada matapelajaran yang diajar tetapi ianya mestilah juga menjurus ke arah budaya mencari dan menimba ilmu tidak kira sama ada ianya berkaitan dengan matapelajaran atau tidak. Mereka patut dididik supaya sifat ingin tahu dan dahagakan ilmu itu dapat memberikan manfaat pada masa hadapan kerana pada zaman sekarang dan akan datang kuasa adalah kepada mereka yang berilmu. Mereka juga dididik supaya menjadi manusia yang berilmu dan tugas pendidik di dalam bidang ini amatlah mulia sepertimana maksud firman Allah S.W.T dalam Surah al-Mujadalah ayat 11: "Allah meninggikan darjat orang yang beriman di kalangan kamu dan orang yang diberikan ilmu pengetahuan beberapa darjat". Alangkah mulianya tugas sebagai pensyarah atau pendidik kerana menjadi sebahagian daripada khalifah Allah yang bertanggungjawab dalam memperkasakan anak bangsa dan umat manusia secara amnya dalam penguasaan pelbagai bidang ilmu lantas meninggikan syiar agama tercinta dan menghapuskan kejahilan di dunia dan akhirat. Tugas mulia ini terletak atas bahu semua pensyarah. Semoga tanggungjawab ini dapat dipikul bersama.

## Rujukan

- De Bono, E. (2002). *Saya Betul, Anda Salah*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Devine, T. G. (1981). *Teaching Study Skills*. New York: Allyn & Bacon.
- Ibrahim, A.S. (2005). *Perutusan Tahun Baru*. Shah Alam: UiTM Shah Alam.
- Anon. (2005a). *Konsep Islam Hadhari: Satu Penjelasan*. Kuala Lumpur: PNMB.
- Anon. (2005b). *Modul Latihan Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar*. Shah Alam: UPENA.
- Anon. (2006a). Malaysian Astronaut Programme. *Junior Statesman*. 7:11-12
- Anon. (2006b). Strategi Pemasaran Produk Halal. *Usaha Dagang*.1:11.
- Anon. (2006c, September 14 ). TPM Kecewa Rakyat Kurang Membaca. *Utusan Malaysia*.
- Anon. (2006d, Oktober 17 ). Tiada Syarikat Kita Terlibat Bakar Hutan Di Indonesia. *Utusan Malaysia*.
- Ringer, R. (1995). *10 Habits of Highly Successful People*. Petaling Jaya: Advantage Quest Publication.